

NAMA:

Betulkan penggunaan penjodoh bilangan di bawah.

A

Petang itu, aku mengajak Alif mencari buluh di kawasan hutan di belakang rumahnya. Semasa sedang berehat di tepi sebidang anak sungai, kami terdengar akan bunyi beberapa bilah tembakan. Kami terkejut dan aku mengajak Alif balik. Kami berlari kerana takut. Alif tersungkur apabila kakinya tersadung pada akar sebuah pokok. Dia mengaduh kesakitan. Aku mengangkat Alif. Kakinya berdarah. Aku mengeluarkan sekeping tuala kecil dari poket seluarku lalu mengesat luka pada kaki Alif.

Kesalahan	Pembetulan
1. sebidang	
2. bilah	
3. sebuah	
4. sekeping	

B

Kejadian pecah rumah pada waktu siang yang berlaku di Taman Laksamana semakin menjadi-jadi sejak belakangan ini. Antara barangan yang dilaporkan hilang ialah lima biji komputer, sepuluh bentuk telefon bimbit, tiga urat rantai emas, dan tiga utas cincin emas. Bagi mengatasi masalah itu, rukun tetangga taman ini telah menganjurkan kumpulan-kumpulan rondaan yang bertugas pada waktu malam untuk mengurangkan kegiatan jenayah di sekitar kawasan kejiranan.

Kesalahan	Pembetulan
1. biji	
2. bentuk	
3. urat	
4. utas	